

# Sukan

## INFO SUKAN

ATLET-atlet negara yang bersaing pada Sukan Olimpik Belia Musim Panas Kali Ke-3, Buenos Aires, Argentina ialah Atlet Renang, Ashley Chai, 16; Atlet Olahraga, Dayang Nurul Amirah binti Karim, 15 dan atlet Acara Renang 400M Bebas dan 100M Bebas, Awang Nur Haziq bin Ismail, 17.



ePaper Pelita Brunei

## Lebih 300 sertai Ekspedisi Berbasikal Varsity 4.0



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh semasa menyempurnakan Upacara Pelepasan Kayuhan Amal Ekspedisi Berbasikal Varsity 4.0 merentasi laluan sejauh 72 kilometer (kiri). Sementara gambar kanan, antara peserta yang menyertai kayuhan amal tersebut.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ihsan Universiti Teknologi Brunei

**TUNGKU LINK**, Isnin, 8 Oktober. - Lebih 300 peserta Kayuhan Amal Ekspedisi Berbasikal Varsity 4.0 merentasi laluan sejauh 72 kilometer yang bermula di pekarangan Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan berakhir di Universiti Brunei Darussalam (UBD), bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun, Tahun 2018. Ekspedisi Berbasikal Amal bagi SMARTER Brunei tersebut diadakan kelmarin merupakan anjuran bersama UTB,

UBD, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Hadir menyertai ekspedisi tersebut ialah Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Pemangku

Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar. Juga hadir ialah pegawai-pegawai kanan, pensyarah-pensyarah, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi universiti-universiti berkenaan juga orang awam. Upacara pelepasan para peserta disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh. Para peserta berbasikal sejauh 72 kilometer melalui

Lebuhraya Muara - Tutong menuju ke Tungku Link dan Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah sebelum ke Bandar Seri Begawan bagi membuat perhentian pertama di Jabatan Perdana Menteri yang dihoskan oleh UNISSA. Para peserta kemudiannya menuju ke perhentian kedua di Flyover Lambak yang dihoskan oleh KUPU SB sebelum menamatkan ekspedisi berbasikal di Integrated Science Building, UBD.

## Football Funday Ke-19 tarik 132 pasukan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**TUNGKU LINK**, Isnin, 8 Oktober. - Acara Football Funday Ke-19 anjuran Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) tahun ini disertai 132 pasukan yang melibatkan lebih kurang 1,100 peserta yang diadakan kelmarin. Penyertaan dibukakan kepada mana-mana pasukan yang berminat berumur di antara 7 tahun hingga 19 tahun mengikut bahagian kategori umur yang ditetapkan dan lima orang sepasukan. Selain JIS, sekolah-sekolah yang terlibat ialah International School Brunei; Hornbill School; Panaga School; Seri Mulia Sarjana School; DES School; Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; Sekolah Sukan Brunei Darussalam; Yayasan Sultan Haji

Hassanal Bolkiah School; Sekolah St. Margaret's Seria dan Sekolah St. Andrews. Project Ikan Pusu dari Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) turut serta dalam Acara Football Funday. Setiap pasukan yang menyertai acara tersebut menerima sijil penghargaan dan pasukan yang berada di tempat tiga teratas bagi setiap kategori membawa pulang pingat. Acara Football Funday merupakan acara tahunan anjuran JIS, yang bukan sahaja menampilkan permainan bola sepak tetapi juga seni kraf tangan tempatan serta lukisan, termasuk produk-produk eksklusif seperti Batik, barangan perhiasan rumah, lukisan abstrak dan banyak lagi.

Fitness Zone diberikan kepercayaan untuk menyediakan khidmat nasihat kepada mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut lagi mengenai *fit as the footballers*. Selain itu, *booth-booth* jualan yang menjual pelbagai makanan dan minuman turut menyertai acara tersebut, antaranya Mr. Baker's Bakeshop; Bake Culture; Gong Cha; Pan and Wok; Pizza Hut; Fratini's Restaurant; Mister Softy; Casbah London Kebab; Red Canopy Cafe; The Currypuff Factory; Tasconi's Pizza and The Potato Habit. *Booth-booth* jualan turut disertai oleh para pelajar *senior* JIS dengan tujuan untuk mengumpul wang bagi tabung amal rasmi sekolah berkenaan.



ACARA Football Funday Ke-19 merupakan acara tahunan anjuran Sekolah Antarabangsa Jerudong.